

Headline	Perlu berhemah bila jawab isu		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	31 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	4	ArticleSize	408 cm ²
AdValue	RM 5,186	PR Value	RM 15,558



Perlu berhemah bila jawab isu

SITI NURSYAHIDAH ABU BAKAR

SHAH ALAM – Pemimpin perlu berhemah dalam memberi kenyataan terutama ketika berdepan isu yang mengundang keresahan rakyat seperti kenaikan kos hidup dan pengurangan subsidi.

Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Mohd Khairie Ahmad berkata, pelbagai kenyataan dikeluarkan ahli politik termasuk pemimpin kerajaan kebelakangan ini bukan sahaja tidak meredakan perasaan rakyat sebaliknya menambah kemarahan mereka.

"Rakyat kini mula terasa bimbang bebanan kenaikan kos. Kita dapat lihat di blog dan laman sosial, rakyat meluahkan perasaan dengan pelbagai kata kurang enak.

"Namun, sebagai pemerintah, menteri dan timbalan menteri utamanya perlu mengamalkan kaedah komunikasi berhemah. Sewajarnya mereka terangkan dengan lebih mendalam sesuatu isu supaya masyarakat faham keadaan sebenar, bukan

buat kenyataan sekadar untuk balas hujah rakyat dengan kenyataan yang seakan-akan memperlekeh mereka," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Datuk Nur Jazlan Mohamed disiarkan *Sinar Harian* semalam.

Antara lain, dalam kenyataannya itu, Nur Jazlan yang juga Ahli Parlimen Pulau menyuarakan kebimbangan mengenai kedudukan BN pada PRU14 yang menurutnya semakin terancam disebabkan kegagalan pimpinan parti itu dan kerajaan menangani isu kenaikan kos hidup dan harga barang.

Nur Jazlan menyifatkan kerajaan lambat bertindak menerangkan keadaan sebenar mengenai isu berkenaan selain hanya memberi kenyataan retorik.

Keadaan itu, jika berlarutan kata Mohd Khairie boleh memberi kesan lebih buruk pada imej kerajaan dan BN.

"Lebih-lebih lagi, pemimpin merupakan *public figure* yang men-



Rakyat berhak mengetahui situasi ekonomi negara.

jadi perhatian masyarakat. Oleh itu, mereka sepatutnya mengeluarkan kenyataan yang membuatkan mereka lebih dihormati," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Khairie berkata, masih terdapat kelemahan ketara dalam sistem penyampaian maklumat kerajaan kepada rakyat.

"Menteri tidak boleh terlalu bergantung pada media arus perdana

dan hanya membuat kenyataan dalam sidang media. Sebaliknya, Kementerian perlu bertindak proaktif dan menggunakan kemudahan teknologi sebaiknya.

"Maklumat awal boleh diuar-uarkan di laman web atau Facebook supaya masyarakat faham apa sebenarnya berlaku," katanya,

Sehubungan itu, beliau turut me-

nyarankan agensi kerajaan memperbaiki kelemahan itu di peringkat kakitangannya.

"Pegawai komunikasi korporat dan perhubungan awam perlu diberi penerangan supaya mereka dapat bertindak salurkan maklumat kepada masyarakat. Begitu juga dengan kakitangan awam yang bertindak sebagai barisan hadapan kerajaan," katanya.